

Penduduk rayu MPSJ tarik balik kelulusan benar guna jalan



ABDUL AZIZ

PUCHONG – Penduduk Taman Saujana Puchong 10 (SP 10), mendesak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menarik semula kelulusan kebenaran menggunakan jalan kediaman ke Hutan Simpan Ayer Hitam (HSAH) yang diberi pada 2002.

Dakwa penduduk, kebenaran menggunakan laluan perumahan itu tidak mengambil kira hak, kepentingan dan kebimbangan yang dialami.

Pengerusi Persatuan Penduduk SP 10, Abdul Aziz Shaazi berkata, MPSJ dan Universiti Putra Malaysia (UPM) didesak berbincang untuk

mewujudkan jalan alternatif lain yang pernah dicadangkan sebagai jalan keluar masuk ke HSAH.

Menurutnya, sejak 2002, jalan kediaman SP 10 digunakan dan pelbagai gangguan diterima, termasuk kenderaan berat merosakkan jalan dan orang luar bebas keluar masuk.

Katanya, penduduk dimaklumkan, laluan keluar masuk ke HSAH hanya akan ditutup apabila jalan di SP 9 yang kini dalam proses pembinaan dibuka.

"Masalahnya penduduk SP 9 juga bantah jalan baru itu, selagi ia

tidak dibuka, masalah kacau ganggu terus menghimpit penduduk SP10.

"Ini masalah UPM, kenapa dialihkan kepada penduduk," katanya.

Abdul Aziz berkata, jumlah penduduk tidak ramai dan tiada gangguan umum ketika MPSJ mengeluarkan kelulusan bersyarat beri kebenaran UPM menggunakan jalan pada 2002.

"Dalam surat kelulusan berkenaan dinyatakan majlis berhak menarik balik kebenaran dan menutup laluan sekiranya mendarangkan masalah kepada penduduk.

"Kini, penduduk mula berdepan

masalah selain risiko keselamatan berikutan orang luar bebas keluar masuk ke kawasan kediaman yang mempunyai pengawal keselamatan," katanya.

Menurutnya, pernah berlaku, sekumpulan lelaki mengaku pelajar memecah masuk rumah.

"Penduduk juga bimbang jika ada pembangunan dijalankan dalam kawasan itu menyebabkan kenderaan berat guna laluan perumahan.

"Jadi, kami minta sangat MPSJ pertimbangkan untuk tarik balik kelulusan itu," katanya.